2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta audit 1957 dan Seksyen 60 Akta Kerajaan Tempatan, 1976 berpandukan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Piawaian-piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Bandaraya Ipoh adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara.

Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod-rekod secara semak uji, menyemak bukti-bukti yang menyokong angka-angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian penyata kewangan secara keseluruhan.

Peruntukan Hutang Ragu – RM1,034,620

3. Pihak Majlis telah membuat peruntukan hutang ragu sebanyak 2.5% bagi penghutang yang aktif dan tambahan sebanyak 20% diwujudkan ke atas tunggakan yang melebihi enam tahun mengikut kehendak Seksyen 6, Akta Had Masa 1953. Pada 31 Disember 1999, pihak Majlis telah memperuntukan hutang ragu sebanyak RM1,034,620. Peruntukan hutang ragu ini adalah tidak mencukupi kerana peruntukan sepenuhnya tidak dibuat ke atas baki penghutang sebanyak RM2,275,390 di mana penerimaannya adalah juga diragui. Perkara ini dinyatakan di perenggan 5 Laporan Audit yang disertakan bersama ini.

4. Kecuali apa yang dinyatakan oleh saya di perenggan 3, pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Majlis Bandaraya Ipoh pada 31 Disember 1999, hasil operasi serta aliran tunai untuk tahun tersebut.

5. Sijil ini hendaklah dibaca bersama-sama Laporan saya bertarikh 12 Disember 2000 yang disertakan bersama-sama ini.

Ipoh.

Tarikh: 12 Disember 2000.

t.t.

(NAILAH BINTI SHAFIEE)

b.p. KETUA AUDIT NEGARA,
MALAYSIA

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI AKAUN MAJLIS BANDARAYA IPOH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 1999

Penyata kewangan Majlis Bandaraya Ipoh bagi tahun berakhir 31 Disember 1999 telah diaudit mengikut Seksyen 6 Akta Audit 1957 dan Seksyen 60 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Penyata kewangan bagi tahun tersebut telah diperiksa oleh Tetuan KPMG, Akauntan Awam, di bawah arahan saya dan Sijil Audit bagi penyata itu disertakan bersama Laporan ini

2. Selain daripada mengesahkan penyata kewangan tersebut, saya telah juga menganalisis prestasi kewangan dan aktiviti-aktiviti Majlis Bandraya Ipoh. Hasil penganalisan itu dinyatakan dalam perenggan-perenggan yang berikut:

Prestasi Kewangan

3. Pada tahun 1999, Majlis meramalkan belanjawan yang seimbang berdasarkan anggaran pendapatan berjumlah RM79,945,200 dan perbelanjaan termasuk perbelanjaan pembangunan sebanyak RM79,945,200. Bagaimanapun Majlis telah mengakhiri tahun kewangan dengan mencatatkan lebih sebanyak RM5,167,067 berdasarkan pendapatan berjumlah RM87,899,292 dan perbelanjaan sebanyak RM82,732,225. Secara keseluruhan prestasi kewangan bagi tahun 1999 bertambah baik berbanding dengan tahun 1998, iaitu daripada lebih sebanyak RM3,303,817 kepada RM5,167,067. Ini terutamanya disebabkan pendapatan Majlis telah meningkat sebanyak RM3,801,983, daripada RM84,097,309 pada tahun 1998 kepada RM87,899,292 pada tahun 1999.

4. Harta Tetap – RM110,457,531

Tanah Dan Bangunan (Nota 5) – RM102,361,448

4.1 Nilai buku bersih tanah dan bangunan sebanyak RM102,361,448 adalah termasuk tanah bernilai RM1,903,100. Tanah-tanah tersebut yang merupakan tanah kerajaan dan rezab telah disenaraikan sebagai harta tetap Majlis. Walau bagaimanapun, hakmilik tanah-tanah tersebut tidak dapat disahkan kerana tidak ada surat hakmilik tanah atau surat pengesahan yang membuktikan bahawa tanah-tanah tersebut adalah milik Majlis. Pihak Majlis perlu mengambil tindakan mendapatkan suratan hakmilik untuk mengelakkan sebarang masalah yang mungkin timbul di masa hadapan.

Penilaian Semula

4.2 Pihak Majlis mempunyai polisi perakaunan untuk membuat penilaian semula bagi tanah dan bangunan pada setiap lima tahun. Penilaian terakhir bagi tanah dan bangunan telah dibuat pada tahun 1993 dan mengikut polisi perakaunan Majlis, penilaian semula bagi tanah dan bangunan sepatutnya dibuat pada tahun 1998. Walau bagaimanapun, pada tahun 1998 penilaian semula bagi tanah dan bangunan tidak dibuat secara menyeluruh dan hanya dibuat secara terpilih ke atas 32 unit rumah kedai dua tingkat di Projek Taman Perpaduan yang tidak dijual dan dikelaskan sebagai harta tetap Majlis pada tahun 1998.

Selain itu, maklumat untuk harta tetap yang telah dinilai semula dalam tempohnya dibeli tidak dinyatakan amaun penilaian dan kos sebenar harta tetap tersebut dalam nota kepada akaun di penyata kewangan seperti yang dikehendaki oleh Piawai Perakaunan Antarabangsa (IAS) 16. Pihak Majlis perlu menyediakan maklumat harta tetap yang lebih terperinci seperti yang dikehendaki oleh IAS 16.

Bangunan Milikan Majlis Tetapi Status Tanahnya Hakmilik Kerajaan Negeri

4.3 Mengikut rekod Majlis sebanyak 99 buah bangunan status tanahnya adalah hakmilik Kerajaan Negeri. Situasi ini menunjukkan tanah-tanah terlibat tidak menjadi harta kepada Majlis sepenuhnya walaupun bangunan di atas tanah itu dimiliki oleh Majlis. Di antara sebab permohonan hakmilik tanah tidak dibuat ke atas tanah bangunan milikan Majlis tersebut adalah kerana masalah bayaran premium tanah yang dikenakan oleh pihak Kerajaan Negeri adalah di luar kemampuan Majlis. Pihak Majlis hanya memberi keutamaan dan tumpuan memohon hakmilik tanah kerajaan bagi projek pembangunan yang boleh mendatangkan pulangan hasil. Majlis akan mengalami kehilangan harta terhadap tanah terlibat apabila pihak Kerajaan Negeri mengambil balik tanah-tanah tersebut. Kelewatan dalam proses permohonan hakmilik tanah akan memberi kesan yang menjejaskan pembangunan dan perancangan yang telah ditetapkan oleh Majlis. Pihak Majlis perlu mengkaji semula untuk memohon hakmilik tanah kerajaan di mana bangunan milik Majlis sedia ada serta membuat permohonan kepada Kerajaan Negeri supaya bayaran premium yang munasabah atau nominal dikenakan ke atas tanah yang digunakan untuk kepentingan sosial dan perkhidmatan orang awam.

5. Peruntukan Hutang Ragu – RM1,034,620

5.1 Majlis telah membuat peruntukan hutang ragu sebanyak 2.5% bagi penghutang yang aktif dan tambahan 20% diwujudkan ke atas tunggakan yang melebihi enam tahun mengikut kehendak Seksyen 6, Akta Had Masa, 1953. Peruntukan hutang ragu sebanyak 20% yang diwujudkan ke atas tunggakan yang melebihi enam tahun adalah tidak menyeluruh kerana didapati hanya penghutang Skim Pembentungan dan Membina Jalan Suwa dipertimbangkan dalam peruntukan hutang ragu sebanyak 20%. Manakala penghutang Caruman Bantuan Kadar – Keretapi Tanah Melayu dan Jualan Rumah/Kedai Taman Perpaduan yang telah melebihi enam tahun tidak dipertimbangkan dalam peruntukan hutang ragu Majlis sebanyak 20%. Selain dari itu, terdapat penghutang yang telah lama tertunggak tidak diambil kira dengan sepenuhnya di dalam peruntukan hutang ragu Majlis walaupun penerimaan dari penghutang tersebut adalah diragui.

5.2 Majlis telah mewujudkan satu *Task Force* dalam tahun 1999 untuk menganalisa dan mengkaji baki penghutang untuk diambil tindakan sewajarnya. Majlis harus mempercepatkan proses kerja *Task Force* ini untuk mengenalpasti hutang yang boleh dituntut atau tidak, hutang lapuk sebenar dan peruntukan diberi dengan sewajarnya. Analisa senarai pengumuman penghutang yang boleh diperolehi daripada sistem komputer boleh digunakan oleh Majlis bagi tujuan kawalan ke atas tunggakannya.

Penyata Aliran Tunai

6. Majlis telah menyediakan Penyata Aliran Tunai seperti yang dikehendaki oleh Piawaian Perakaunan Antarabangsa (IAS) 7. Walau bagaimanapun, cara penyediaan dan penyampaian penyata tersebut adalah kurang tepat. Pihak Majlis harus memperbaiki cara penyediaan dan penyampaian penyata tersebut supaya ia dapat memberi gambaran yang lebih jelas, benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis.

Usahasama Majlis Dengan Kumpulan Promista Sdn. Bhd. (KPSB)

7. KPSB adalah salah satu daripada penghutang Majlis yang wujud akibat daripada penjualan terus Projek Perindustrian Pengkalan. Walaupun satu perjanjian telah ditandatangani antara Majlis dan KPSB pada 27 November 1997, KPSB tidak disenaraikan sebagai penghutang Majlis pada 31 Disember 1999. Oleh yang demikian, pengawalan terhadap KPSB adalah tidak efektif di mana kewujudan dan penerimaan dari KPSB mungkin tidak diketahui dan dikawal dengan sempurna. Tanggungan KPSB kepada Majlis pada 31 Disember 1999 berjumlah RM2,840,193.

Perkara-perkara Yang Belum Selesai

8. Selain daripada perkara-perkara yang disebutkan di atas, berikut adalah perkara-perkara yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu tetapi masih belum diselesaikan.

Tahun	Perenggan	Perkara
1996	7	Baki pinjaman Kerajaan Persekutuan sebanyak RM11.9 juta adalah termasuk pinjaman berjumlah RM11.0 juta yang diterima bagi Projek Saluran Najis Bandar dan Pembentukan. Projek ini telah diswastakan dan diambil alih oleh Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) dalam tahun 1994. Bagaimanapun, pinjaman ini masih ditunjukkan sebagai tanggungan Majlis sementara menunggu keputusan Kementerian Kewangan terhadap pemindahan tanggungan kepada IWK. Majlis perlu menyusul perkara ini bagi memberi gambaran sebenar pinjaman berkenaan.
1998	6	Sistem Perakaunan Bersepadu Berkomputer Pihak Berkuasa Tempatan dilaksanakan di Majlis pada tahun 1994 dengan kos sebanyak RM2.4 juta. Sistem tersebut mengandungi 12 modul dan dijangka beroperasi sepenuhnya pada tahun 1995. Sehingga kini semua modul telah siap dan digunakan kecuali modul lejar am, harta tetap dan pengurusan wang tunai yang masih di peringkat ujian dan pembetulan. Pihak Majlis wajar menyelidik dan meneliti perkembangannya secara terperinci kerana ianya adalah penting untuk memastikan kewujudan sistem perakaunan dan laporan yang sempurna.

Ipoh.

Bertarikh: 12 Disember 2000

t.t.

(NAILAH BINTI SHAFIEE)

b.p. KETUA AUDIT NEGARA,
MALAYSIA.

MAJLIS BANDARAYA IPOH
PENYATAAN OLEH DATUK BANDAR IPOH
DAN AHLI MAJLIS

Kami Dato' Haji Talaat bin Haji Husain dan Datuk Haji Yahaya bin Haji Shafie, yang merupakan Datuk Bandar Ipoh dan Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Ipoh, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, kunci kira-kira, penyata pendapatan dan perbelanjaan dan penyata aliran tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta nota-nota adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Bandaraya Ipoh pada 31 Disember 1999 dan hasil operasinya dan perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Tarikh: 24 Jun 2000.

Tarikh: 27 Jun 2000.

Bagi pihak Majlis

Bagi pihak Majlis

t.t.

(DATO' HJ TALAAT BIN HAJI HUSAIN)
Datuk Bandar Ipoh

t.t.

(DATUK HAJI YAHAYA BIN HAJI SHAFIE)
Ahli Majlis

AKUAN BERKANUN

Saya, Saidatul Akma bt. Jamaluddin, Penolong Bendahari Bandaraya Ipoh adalah pegawai yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Bandaraya Ipoh dengan ikhlasnya mengaku bahawa kunci kira-kira, penyata pendapatan dan perbelanjaan dan penyata aliran tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta nota-nota mengikut sebaik-baiknya pengetahuan dan kepercayaan saya adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan mengikut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya]
diakui oleh penama di atas]
di Ipoh, Perak Darul Ridzuan]
pada 23 Jun 2000.]

Dihadapan saya,
Abd. Rahim b. Md. Ariff
Pesuruhjaya Sumpah

KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER 1999

	Nota	1999 RM	1998 RM
HARTA			
Harta Tetap:			
Tanah dan Bangunan	5	102,361,447.54	104,720,101.67
Kenderaan dan Loji		3,129,464.45	2,404,800.23
Perabot dan Kelengkapan		3,894,118.84	3,468,074.00
		109,385,030.83	110,592,975.90
Kerja Dalam Perlaksanaan			
	6	1,072,500.00	55,000.00
		1,072,500.00	55,000.00
		110,457,530.83	110,647,975.90
Harta Semasa:			
Tanah (Tasek)		10.00	10.00
Pelaburan: Simpanan Tetap		36,000,000.00	29,000,000.00
Rumah Belum Dijual – Taman Perpaduan	7	50,000.00	50,000.00
Penghutang	8	29,433,904.96	27,412,695.83
Peruntukan Hutang Ragu		(1,034,619.68)	(1,002,684.18)
Pendahuluan kepada Anggota:			
Pembelian Kenderaan	9.1	695,657.07	735,729.53
Pembelian Rumah	9.2	3,062.70	4,976.47
Pembelian Komputer	9.3	243,651.37	220,702.59
Tunai di Bank dan di Tangan		1,084,315.41	3,009,750.20
		66,475,981.83	59,431,180.44
		176,933,512.66	170,079,156.34
Tolak:			
Tanggung Semasa			
Pemiutang	10	12,653,316.40	11,547,651.37
Deposit		5,529,853.53	5,171,940.62
		18,183,169.93	16,719,591.99
		158,750,342.73	153,359,564.35
Dibiayai dari Modal			
Rezab Modal	11	5,468,011.78	5,468,011.78
		5,468,011.78	5,468,011.78
Kumpulan-kumpulan Wang			
Pinjaman Kenderaan		650,000.00	650,000.00
Pinjaman Komputer		250,000.00	250,000.00
Pembangunan Tapak Industri	12	1,296,343.40	1,272,613.27

	Nota	1999 RM	1998 RM
Tempat Letak Kereta	13	8,371,950.66	7,984,950.66
Pemberian Kerajaan		673,726.06	673,726.06
Lebihan Terkumpul	14	127,379,251.32	122,188,263.71
		138,621,271.44	133,019,553.70
Tanggungjawab Jangka Panjang			
Pinjaman – Persekutuan	16	11,761,059.51	11,871,998.87
Pinjaman – Negeri		2,900,000.00	3,000,000.00
		14,661,059.51	14,871,998.87
		158,750,342.73	153,359,564.35

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian asasi Kunci Kira-kira ini

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 1999

	1999 RM	1998 RM
Hasil dalam Tahun		
Cukai Taksir	50,654,433.02	47,326,212.90
Caruman Bantuan Kadar	3,410,276.48	3,181,467.68
Lesen-lesen	4,988,056.09	4,758,408.20
Bayaran Letak Kereta	3,682,094.62	3,886,926.95
Bayaran Perkhidmatan	6,161,070.00	4,433,211.33
Notis dan Denda	3,124,675.89	2,509,500.24
Faedah-faedah	1,805,982.00	2,543,137.72
Sewaan	7,227,197.78	7,124,742.13
Sumbangan Kerajaan dan Gantian		
Tempatan	6,426,089.55	7,029,027.90
Pelbagai	419,416.98	1,304,673.84
Jumlah Hasil Dalam Tahun	87,899,292.41	84,097,308.89
Tolak:		
Belanja-belanja Dalam Tahun Mengurus		
Gaji dan Upahan	22,018,414.45	21,684,451.14
Tambahan Kos Kakitangan	7,300,717.62	6,461,880.25
Lain-lain Faedah Kewangan	2,141,704.35	1,537,373.05
Perjalanan dan Sara Hidup	599,188.71	497,696.22
Belanja Pos dan Telefon	377,446.84	405,533.09
Belanja Air dan Elektrik	4,593,155.85	5,045,411.83

	1999 RM	1998 RM
Sewaan	753,504.76	726,678.03
Penerbitan dan Percetakan	448,855.70	338,970.65
Bekalan dan Bahan-bahan	3,131,223.86	3,155,233.48
Penyelenggaraan dan Pembaikan	8,323,459.80	6,915,318.47
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti	9,354,061.52	8,125,366.91
Sumbangan dan Kerja Khas	79,580.19	54,064.05
Faedah Pinjaman Persekutuan dan Negeri	40,103.62	124,439.42
Lain-lain Perbelanjaan	4,174,008.22	1,625,911.15
Jumlah Belanja Dalam Tahun	63,335,425.49	56,698,327.74
Lebihan Hasil dari Belanja bawa hadapan	24,563,866.92	27,398,981.15
Lebihan Hasil dari Belanja bawa bawah	24,563,866.92	27,398,981.15
Tambah:		
Tambahan/(Kurangan) Per Hutang Ragu	(31,935.50)	(5,716,296.66)
	(31,935.50)	(5,716,296.66)
Tolak:		
Aset Sosial	940,123.86	716,301.72
Susutnilai Tanah Pajak	1,303.33	1,303.33
Susutnilai Bangunan	2,742,634.22	2,734,928.54
Susutnilai Kenderaan dan Loji	1,518,562.58	1,599,482.21
Susutnilai Perabot dan Kelengkapan	1,952,949.31	1,928,126.26
Pelupusan	35.00	111,391.50
	7,155,608.30	7,091,533.56
Pinjaman Pelajaran	0.00	7,200.00
	0.00	7,200.00
Lebihan Hasil dari Belanja	17,376,323.12	14,583,950.93
Tolak:		
Pembangunan		
Pembinaan dan Pembaikan Bangunan	113,231.65	399,224.01
Kemudahan dan Pembaikan Jalanraya	6,337,734.60	3,373,999.25
Pengaliran	1,531,764.29	5,623,174.93
Taman dan Riadah	264,312.07	342,821.02
Pembaikan Kemudahan Infrastruktur	3,962,213.46	1,540,914.62
	12,209,256.07	11,280,133.83
Lebihan Hasil dari Belanja	5,167,067.05	3,303,817.10
Pindah ke KW Lebihan Terkumpul		

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 1999

	Nota	1999 RM	1998 RM
Tunai Dari Operasi			
Lebih Hasil dari Belanja		5,167,067.05	3,303,817.10
Tunai Bersih Dari Operasi		<u>5,167,067.05</u>	<u>3,303,817.10</u>
Pelarasan atas perkara yang tidak melibatkan aliran dana			
Susutnilai		6,215,449.44	6,263,840.34
Pelupusan		35.00	111,391.50
Peruntukan Hutang Ragu		31,935.50	257,483.08
Pelarasan Tahun Lalu		23,920.56	369,634.22
		<u>6,271,340.50</u>	<u>7,002,349.14</u>
Lebih Operasi Sebelum Perubahan Dalam Modal Kerja		11,438,407.55	10,306,166.24
Tambah/(Kurangan)			
Penghutang		(2,002,171.68)	2,329,400.74
Pemiutang		1,463,577.94	(2,320,559.64)
		<u>(538,593.74)</u>	<u>8,841.10</u>
Tunai Dijanakan Oleh Aktiviti Operasi		10,899,813.81	10,315,007.34
Tambah/(Kurangan)			
Caruman Tapak Industri		23,730.13	5,804.00
Caruman Letak Kereta		387,000.00	436,426.90
		<u>410,730.13</u>	<u>442,230.90</u>
Tunai bersih dijanakan oleh Aktiviti Operasi		11,310,543.94	10,757,238.24
Tambah/(Kurangan)			
Kerja Dalam Perlaksanaan		(1,017,500.00)	(55,000.00)
Harta Tetap		(5,007,539.37)	(1,762,876.78)
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pelaburan		<u>(6,025,039.37)</u>	<u>(1,817,876.78)</u>
Tambah/(Kurangan)			
Pinjaman Kerajaan Persekutuan		(110,939.36)	(1,158,794.17)
Pinjaman Kerajaan Negeri		(100,000.00)	0.00
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pembiayaan		<u>(210,939.36)</u>	<u>(1,158,794.17)</u>
Penambahan bersih dalam tunai dan setara tunai bersih		5,074,565.21	7,780,567.29
Tunai dan Setara Tunai Pada Awal Tahun		<u>32,009,750.20</u>	<u>24,229,182.91</u>
Tunai dan Setara Tunai Pada Akhir Tahun	15	<u>37,084,315.41</u>	<u>32,009,750.20</u>

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 1999

1. DASAR PERAKAUNAN

1.1 Asas Perakaunan

Penyata kewangan ini adalah disediakan menurut konvensyen kos sejarah dan mematuhi standard Perakaunan yang diluluskan.

1.2 Pengiktirafan Pendapatan

Pada tahun 1999, pendapatan berdasarkan kepada *Kaedah Akruan* kecuali pendapatan dari Lesen dan Jualan Perkhidmatan, Bayaran Letak Kereta, Notis dan Denda.

2. POLISI PERAKAUNAN

2.1 Peruntukan Hutang Lapuk

Peruntukan Hutang Lapuk diperuntukan sebanyak 2.5% bagi penghutang yang aktif dan ditambah sebanyak 20% dibuat ke atas hutang-hutang yang melebihi 6 tahun mengikut kehendak seksyen 6, Akta Had Masa, 1953. Peruntukan Hutang Lapuk dinilai dari baki penghutang pada 31 Disember 1999.

2.2 Penilaian Semula dan Susutnilai

2.2.1 Penilaian Semula

Bagi Tanah dan Bangunan, penilaian semula dilaksanakan setiap 5 tahun. Penilaian yang terakhir telah dibuat pada tahun 1993 dan dinilai berdasarkan nilai pasaran. Tempoh jangka hayat bagi aset ini dianggarkan selama 40 tahun atau 2.5% setahun.

2.2.2 Susutnilai

Susutnilai aset tetap adalah mengikut kaedah garis lurus dan berdasarkan jangkamasa hayat aset yang digunakan. Kadar bagi susutnilai yang diamalkan adalah seperti berikut:

(a) Bangunan	02%
(b) Kenderaan & Loji	20%
(c) Perabot dan Kelengkapan	20%
(d) Aset Sosial	100%

Sementara Tanah Pajakan atau Bukan Tanah Milik Bebas MBI dinilai mengikut tempoh pajakan.

3. PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 1999

3.1 Penyediaan Penyata

Penyata ini telah disediakan secara manual walaupun Majlis pada tahun 1994 telah memasang komputer baru ENCORE dengan menggunakan Software SPBT. Masalah-masalah masih ada dan belum dapat di atasi dan dengan demikian laporan-laporan komputer tidak boleh dijadikan asas sepenuhnya bagi penyediaan Penyata Kewangan ini.

3.2 Penyata-penyata Penyokong

Penyata-penyata penyokong terdiri dari campuran/gabungan dari laporan komputer dan kad lejer yang mana berkenaan.

3.3 Stadium Hoki

Surat Perjanjian pengambilan Stadium Hoki dari Majlis Sukan Negeri masih belum ditandatangani. Tindakan untuk menyelaraskan perbelanjaan sebenar kos projek ini akan dibuat setelah segala-galanya muktamat.

3.4 Usahasama Majlis Bandaraya Ipoh dengan Kumpulan Promista Sendirian Berhad

3.4.1 Mengikut keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dalam memberi persetujuan kepada MBI untuk menjual terus Projek Perindustrian Pengkalan kepada KPSB. Ekoran daripada itu, satu perjanjian di antara MBI dan KPSB telah ditandatangani pada 25 November 1996. Walau bagaimanapun ianya tidak dapat dikuatkuasakan disebabkan beberapa masalah yang dihadapi. Maka satu perjanjian baru ditandatangani pada 27 November, 1997. Tanggungan KPSB kepada Majlis adalah seperti berikut:

(a) Menjelaskan baki harga jualan	RM2,700,000.00
(b) Bayaranbalik kos pembinaan jalan utama	RM 612,000.00
(c) Bayaranbalik kos tambahan premium, cukai tanah dan lain-lain	RM 455,058.30
	RM3,767,058.30

3.4.2 Kaedah-kaedah pembayaran untuk penjualan terus skim estet perindustrian di Pengkalan kepada Promista Sdn. Bhd. adalah seperti berikut:

- (a) Pembayaran baki harga jualan RM2.7 juta dibuat berdasarkan kepada purata untuk setiap hakmilik yang dikeluarkan.
- (b) Untuk 46 lot industri yang telah mempunyai hakmilik bayaran sebanyak RM926,865.70 hendaklah dijelaskan dalam masa 5 bulan daripada tarikh perjanjian. Pada tahun 1998, Promista Sdn. Bhd. telah menjelaskan untuk 46 lot industri sebanyak RM926,865.70.
- (c) Baki 88 lot yang lain dijelaskan dalam tempoh 5 bulan daripada tarikh pengeluaran hakmilik.
- (d) Bayaranbalik sebanyak RM612,000 untuk kos membina jalan utama hendaklah dijelaskan apabila Majlis mengeluarkan tawaran kerja projek berkenaan.
- (e) Sementara bayarbalik sebanyak RM455,058.30 untuk bayaran premium dan lain-lain hendaklah dijelaskan dalam masa 12 bulan dari tarikh hakmilik dikeluarkan.

4. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN

Angka-angka perbandingan tertentu dalam Penyata Kewangan ini telah dikelaskan semula supaya selaras dengan perbentangan akaun semasa.

5. HARTA TETAP

Tahun 1999	Tanah dan Bangunan RM	Kenderaan dan Loji RM	Perabot dan Kelengkapan RM	Jumlah RM
KOS				
Baki pada 1/1/1999	119,791,809.89	19,098,842.06	12,282,131.20	151,172,783.15
Tambahan	385,283.42	2,467,267.80	2,378,995.15	5,231,546.37
Pelupusan	0.00	(2,345,620.79)	(8,800.00)	(2,354,420.79)
Baki pada 31/12/1999	120,177,093.31	19,220,489.07	14,652,326.35	154,049,908.73

SUSUTNILAI TERKUMPUL

Baki pada 1/1/1999	15,071,708.22	16,694,041.83	8,814,057.20	40,579,807.25
Tambahan	2,743,937.55	1,742,562.58	1,952,949.31	6,439,449.44
Pelupusan	0.00	(2,345,579.79)	(8,799.00)	(2,354,378.79)
Baki pada 31/12/99	17,815,645.77	16,091,024.62	10,758,207.51	44,664,877.90
Nilai Buku Bersih				
Pada 31/12/1999	102,361,447.54	3,129,464.45	3,894,118.84	109,385,030.83

Tahun 1998	Tanah dan Bangunan RM	Kenderaan dan Loji RM	Perabot dan Kelengkapan RM	Jumlah RM
KOS				
Baki pada 1/1/1998	116,673,809.89	18,830,872.78	10,847,027.70	146,351,710.37
Tambahan	3,245,300.00	318,973.28	1,443,903.50	5,008,176.78
Pelupusan	(127,300.00)	(51,004.00)	(8,800.00)	(187,104.00)
Baki pada 31/12/1998	119,791,809.89	19,098,842.06	12,282,131.20	151,172,783.15

SUSUTNILAI TERKUMPUL

Baki pada 1/1/1998	12,351,388.85	15,145,560.62	6,894,729.94	34,391,679.41
Tambahan	2,736,231.87	1,599,482.21	1,928,376.26	6,264,090.34
Pelupusan	(15,912.50)	(51,001.00)	(9,049.00)	(75,962.50)
Baki pada 31/12/98	15,071,708.22	16,694,041.83	8,814,057.20	40,579,807.25
Nilai Buku Bersih				
Pada 31/12/1998	104,720,101.67	2,404,800.23	3,468,074.00	110,592,975.90

6. KERJA DALAM PERLAKSANAAN

Kerja dalam pelaksanaan terdiri daripada perbelanjaan harta tetap yang dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Ipoh

	1999 RM	1998 RM
Gerai Jalan Buntong	0.00	55,000.00
Pusat Penjaja Taman Perpaduan	249,000.00	0.00
Bandaraya Maya	823,500.00	0.00
Baki Pada Akhir Tahun	<u>1,072,500.00</u>	<u>55,000.00</u>

7. RUMAH BELUM JUAL – TAMAN PERPADUAN

2 unit Rumah Teres Dua Tingkat	<u>50,000.00</u>	<u>50,000.00</u>
Baki Pada Akhir Tahun	<u>50,000.00</u>	<u>50,000.00</u>

8. PENGHUTANG

(a) Penghutang Berulang	27,464,819.10	25,467,616.87
(b) Caruman Bantuan Kadar	1,949,815.73	1,932,730.93
(c) Pendahuluan Diri kepada Anggota Majlis	19,270.13	12,348.03
Jumlah Penghutang Pada Akhir Tahun	<u>29,433,904.96</u>	<u>27,412,695.83</u>

9. PENDAHULUAN KEPADA ANGGOTA

9.1 PINJAMAN KENDERAAN

Baki Pada Awal Tahun	735,729.53	615,816.99
Ditambah:		
Pinjaman Diberi Dalam Tahun	153,100.00	330,267.03
Kenaan Faedah	28,408.63	23,160.61
	<u>917,238.16</u>	<u>969,244.63</u>

Tolak:

Jumlah Bayaran Balik Dalam Tahun	<u>221,581.09</u>	<u>233,515.10</u>
Baki Pada Akhir Tahun	<u>695,657.07</u>	<u>735,729.53</u>

	1999 RM	1998 RM
9.2 PINJAMAN PERUMAHAN		
Baki Pada Awal Tahun	4,976.47	7,149.80
Ditambah:		
Kenaan Faedah	181.29	302.65
	<u>5,157.76</u>	<u>7,452.45</u>
Tolak:		
Jumlah Bayaran Balik Dalam Tahun	2,095.06	2,475.98
Baki Pada Akhir Tahun	<u>3,062.70</u>	<u>4,976.47</u>

9.3 PINJAMAN KOMPUTER

Baki Pada Awal Tahun	220,702.59	260,674.82
Ditambah:		
Pinjaman Diberi Dalam Tahun	118,800.00	65,800.00
Kenaan Faedah	9,839.28	5,410.64
	<u>349,341.87</u>	<u>331,885.46</u>
Tolak:		
Jumlah Bayaran Balik Dalam Tahun	105,690.50	111,182.87
Baki Pada Akhir Tahun	<u>243,651.37</u>	<u>220,702.59</u>

10. PEMIUTANG

(a) Pemiutang sebenar	12,349,789.10	10,524,423.02
(b) Akaun Penyelesaian Cek Terbatal	116,774.30	290,318.85
(c) Peruntukan bayaran kemajuan – Sistem GIS	21,753.00	21,753.00
(d) Peruntukan bayaran kemajuan – SPBT	165,000.00	165,000.00
(e) Peruntukan bayaran kemajuan – Sepakat Computer	0.00	546,156.50
Jumlah Pemiutang Pada Akhir Tahun	<u>12,653,316.40</u>	<u>11,547,651.37</u>

	1999 RM	1998 RM
11. REZAB MODAL		
Baki pada awal Tahun	5,468,011.78	3,598,711.78
Tambah:		
Lebihan Nilai Stok Taman Perpaduan	0.00	1,869,300.00
Baki Pada Akhir Tahun	<u>5,468,011.78</u>	<u>5,468,011.78</u>
12. KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN TAPAK INDUSTRI		
Baki pada awal Tahun	1,272,613.27	1,266,809.27
Tambah:		
Caruman Dalam Tahun	23,730.13	5,804.00
	<u>1,296,343.40</u>	<u>1,272,613.27</u>
Tolak:		
Perbelanjaan Dalam Tahun	0.00	0.00
Baki Pada Akhir Tahun	<u>1,296,343.40</u>	<u>1,272,613.27</u>
13. KUMPULAN WANG TEMPAT LETAK KERETA		
Baki Awal Tahun	7,984,950.66	7,548,523.76
Tambah:		
Caruman Dalam Tahun	387,000.00	436,426.90
	<u>8,371,950.66</u>	<u>7,984,950.66</u>
Tolak:		
Perbelanjaan Dalam Tahun	0.00	0.00
Baki Pada Akhir Tahun	<u>8,371,950.66</u>	<u>7,984,950.66</u>
14. KUMPULAN WANG LEBIHAN TERKUMPUL		
Baki Pada Awal Tahun	122,188,263.71	118,514,812.39
Tambah:		
Lebihan Hasil dari Belanja	5,167,067.05	3,303,817.10
Pelarasan Tahun Lepas	23,920.56	369,634.22
Baki Pada Akhir Tahun	<u>127,379,251.32</u>	<u>122,188,263.71</u>

15. TUNAI DAN SETARA TUNAI

Tunai dan setara tunai yang dimasukkan dalam Penyata aliran Tunai yang disatukan adalah terdiri daripada butiran dan jumlah yang dilaporkan dalam Kunci Kira-kira seperti berikut:

	1999 RM	1998 RM
Pelaburan: Simpanan Tetap	36,000,000.00	29,000,000.00
Tunai di Bank dan Tangan	1,084,315.41	3,009,750.20
Tunai dan Setara Tunai Pada Akhir Tahun	<u>37,084,315.41</u>	<u>32,009,750.20</u>

16. PENYATA PINJAMAN BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 1999

Pinjaman Dari Kerajaan Pusat	Jumlah Pinjaman	Pinjaman Dalam Tahun	Faedah Dimodalkan Sehingga kini	Jumlah Pinjaman	Jumlah Pinjaman	Jumlah Bayaranbalik 1/1/99	Jumlah Bayaranbalik Dalam Tahun	Jumlah Bayaranbalik 31/12/99	Jumlah Baki Pinjaman Pada 31/12/99
	1/1/99			1/1/99					
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Sungai Pari Towers	2,500,000.00	0.00	101,852.17	2,601,852.17	1,772,387.30	110,939.36	1,883,326.66	718,525.51	
Saturan Nejis Bandar	11,042,534.00	0.00	0.00	11,042,534.00	0.00	0.00	0.00	11,042,534.00	
JUMLAH PINJAMAN DARI KERAJAAN PUSAT	13,542,534.00	0.00	101,852.17	13,644,386.17	1,772,387.30	110,939.36	1,883,326.66	11,761,059.51	
Pinjaman Dari Kerajaan Negeri									
Pinjaman Dari Kerajaan Negeri	Jumlah Pinjaman	Pinjaman Dalam Tahun	Faedah Dimodalkan Sehingga kini	Jumlah Pinjaman	Jumlah Pinjaman	Jumlah Bayaranbalik 1/1/99	Jumlah Bayaranbalik Dalam Tahun	Jumlah Bayaranbalik 31/12/99	Jumlah Baki Pinjaman Pada 31/12/99
	1/1/99			1/1/99					
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Ulu Kinta									
Pinjaman Y2K	0.00	500,000.00	0.00	500,000.00	0.00	0.00	0.00	500,000.00	
Pinjaman Pelarasan SSB	3,000,000.00	0.00	0.00	3,000,000.00	0.00	600,000.00	600,000.00	2,400,000.00	
JUMLAH PINJAMAN DARI KERAJAAN NEGERI	3,000,000.00	500,000.00	0.00	3,500,000.00	0.00	600,000.00	600,000.00	2,900,000.00	
JUMLAH BESAR	16,542,534.00	500,000.00	101,852.17	17,144,386.17	1,772,387.30	710,939.36	2,483,326.66	14,661,059.51	

No. 714.

SURAT AKUAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI AKAUN MAJLIS DAERAH KINTA SELATAN
PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 1999

Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan yang dikembalikan bersama-sama dengan Nota-nota kepada akaun ini telah diperiksa di bawah arahan saya mengikut Akta Audit 1957 dan seksyen 60 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Segala kenyataan dan keterangan yang dikehendaki telah didapati. Tertakluk kepada pemerhatian saya bertarikh 26 Ogos 1993 yang dikehendaki di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan yang juga dikembalikan bersama-sama ini, pada pendapat saya:

- (a) Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan Berserta dengan Nota-nota terhadapnya telah dibuat dengan cara yang betul untuk menunjukkan suatu gambaran yang benar dan munasabah mengenai kedudukan kewangan Majlis Daerah Kinta Selatan pada 31 Disember, 1999 dan urusan-urusan berkaitan dengannya bagi tahun berakhir pada tarikh itu; dan
- (b) Jumlah yang diasingkan untuk susutan dan pembaharuan harta-harta majlis adalah mencukupi.

Ipoh.

Tarikh: 5 Disember 2000.

t.t.

(NAILAH BINTI SHAFIEE)

b.p. KETUA AUDIT NEGARA,
MALAYSIA.

PENYATA YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH KINTA SELATAN
PERAK DARUL RIDZUAN

Saya, Abu Zar bin Omar, yang merupakan Yang Dipertua Majlis Daerah Kinta Selatan dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat saya Kunci Kira-kira, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan berikut ini beserta nota-nota adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Daerah Kinta

Selatan pada 31 Disember 1999 dan hasil operasinya dan perubahan kedudukan kewangan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Tarikh: 27 November 2000.

t.t.

(ABU ZAR BIN OMAR)
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Kinta Selatan,
Kampar,
Perak Darul Ridzuan

KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER 1999

	Nota	1999 RM	1998 RM
HARTA TETAP	2	11,456,917.62	6,273,234.85
KERJA DALAM PERLAKSANAAN	3	2,015,976.66	5,242,217.34
HARTA SEMASA			
Siberhutang	4	2,678,452.28	2,826,772.77
Pendahuluan Pinjaman		112,821.69	123,763.17
Pertaruhan & Bayaran Terdahulu	5	2,599.19	2,599.19
Simpanan Tetap		2,020,940.00	1,834,808.53
Wang Di Bank dan Di Tangan		947,305.00	377,381.43
Jumlah Harta Semasa		5,762,118.16	5,165,325.09
Tolak			
TANGGUNGAN SEMASA			
Sipiutang	6	353,192.26	519,377.43
Pertaruhan dan Terimaan Terdahulu	7	702,154.16	634,746.08
Pinjaman Jangka Pendek		240,000.00	120,000.00
Jumlah Tanggungan Semasa		1,295,346.42	1,274,123.51
HARTA SEMASA BERSIH		4,466,771.74	3,891,201.58
JUMLAH HARTA		17,939,666.02	15,406,653.77
DIBIAYAI OLEH:			
Kumpulan Wang Terkumpul	8	10,542,750.47	9,682,486.71
Kumpulan Wang Pembangunan		515,983.00	—
Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan		120,000.00	120,000.00
Kumpulan Wang Pinjaman Komputer		50,000.00	50,000.00

	Nota	1999 RM	1998 RM
Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan	9	6,350,932.55	5,074,167.06
Pinjaman Jangka Panjang	10	360,000.00	480,000.00
JUMLAH		17,939,666.02	15,406,653.77

t.t.
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Kinta Selatan

t.t.
Setiausaha,
Majlis Daerah Kinta Selatan

**PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 1999**

	1999 RM	1998 RM
PENDAPATAN		
Cukai Taksiran Am	2,751,576.06	2,561,324.34
Carum Bantu Kadar	27,544.79	27,526.79
Lesen Dan Pendaftaran	658,528.67	662,305.04
Sewaan	552,986.50	647,517.50
Perkhidmatan	233,964.14	297,198.13
Faedah Dan Perolehan Dari Pelaburan	132,335.15	261,607.08
Denda Dan Hukuman	323,291.63	195,925.16
Perolehan dari Jualan Barang	63,375.31	56,914.50
Sumbangan Tempatan Dan Terimaan Ganti Luar Negeri	70,650.00	47,542.26
Sumbangan Kerajaan Persekutuan	1,449,249.17	1,345,349.17
Terimaan-Terimaan Yang Lain	216,046.58	42,827.00
Pindahan Dari Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan	185,476.51	186,785.48
JUMLAH PENDAPATAN	6,665,024.51	6,332,822.45

TOLAK:

PERBELANJAAN

Emolumen	2,878,306.57	2,822,319.47
Perjalanan Dan Sara Hidup	36,361.20	41,715.92
Pengangkutan Barang-Barang	1,284.00	10,240.13
Perhubungan Dan Utiliti	421,486.80	341,957.09
Sewaan	404.00	449.00
Bahan Mentah Dan Bahan Untuk Penyelenggaraan	225,271.43	219,880.81

	1999 RM	1998 RM
Bekalan Makanan Dan Minuman	151.80	100.00
Bekalan Dan Bahan Lain	122,008.49	122,978.32
Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli	196,901.75	267,435.77
Perkh. Ikhtisas, Perkh. Lain Yang Dibeli Dan Hospitaliti	1,198,016.59	1,102,128.96
Harta Modal Yang Lain	101,749.20	55,263.90
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	28,310.56	29,004.10
Pulangbalik Dan Hapus Kira	–	7,966.62
Bayaran-Bayaran Lain	30,811.73	15,495.40
Pembangunan	96,686.80	63,351.25
Susut Nilai	326,332.64	322,065.13
JUMLAH PERBELANJAAN	5,664,083.56	5,422,351.87
LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN ATAS PERBELANJAAN	1,000,940.95	910,470.58

**PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 1999**

	1999 RM	1998 RM
TUNAI DARI AKTIVITI KENDALIAN		
Pendapatan Bersih	1,000,940.95	910,470.58
Pelupusan	–	–
	1,000,940.95	910,470.58
Pelarasan Bagi Perkara Yang Tidak Melibatkan Pergerakan Tunai		
Susut Nilai	326,332.64	322,065.13
Pindahan Dari Pemberian Kerajaan Yang DiModalkan	(185,476.51)	(186,785.48)
Pelarasan Tahun Lepas	(140,677.19)	287,035.23
	178.94	422,314.88
Lebihan Kendalian Sebelum Perubahan Modal Kerja	1,001,119.89	1,332,785.46
(Tambahn)/Kurangan Siberhutang	148,320.49	(592,499.02)
(Tambahn)/Kurangan Pinjaman	10,941.48	(28,167.59)
Tambahan/(Kurangan) Sipiutang	(166,185.17)	(711,616.73)
Tambahan/(Kurangan) Pertaruhan dan Terimaan Terdahulu	67,408.08	102,185.76
	60,484.88	(1,230,097.58)

	1999 RM	1998 RM
Tunai bersih Dari Aktiviti Kendalian	1,061,604.77	102,687.88
(Tambahannya)/Kurangnya Harta Tetap (Tambahannya)/Kurangnya Kerja Dalam Perlaksanaan	(5,510,015.41)	(1,170,696.90)
Tambahannya/(Kurangnya) Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan	3,226,240.68	(1,847,346.23)
Tambahannya/(Kurangnya) Kumpulan Wang Pembangunan	1,462,242.00	1,357,425.67
	515,983.00	-
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pelaburan Tambahannya/(Kurangnya) Dalam Tunai Dan Setara Tunai	(305,549.73)	(1,660,617.46)
	756,055.04	(1,557,929.58)
Tunai Dan Setara Tunai Pada Awal Tahun	2,212,189.96	3,770,119.54
Tunai Dan Setara Tunai Pada Awal Tahun	2,968,245.00	2,212,189.96

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 1999

1. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

1.1 Asas-Asas Perakaunan

1.1.1 Penyata Kewangan ini disediakan menurut konvensyen kos sejarah.

1.1.2 Pengiktirafan Pendapatan

i. Hasil Kendalian/Operasi

Hasil daripada kendalian/operasi seperti cukai taksiran am, sewaan dan faedah akan diiktiraf sebagai pendapatan di dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akrual. Manakala hasil kendalian/operasi selain daripada yang tersebut di atas diiktiraf berdasarkan asas tunai.

ii. Simpanan Tetap

Penerimaan faedah untuk simpanan tetap sistem perbankan secara Islam diambil kira berdasarkan asas tunai.

iii. Terimaan Bukan Hasil

Pendapatan-pendapatan lain seperti bantuan dan sumbangan daripada kerajaan Negeri dan Persekutuan atau lain-lain pendapatan yang berkelaziman atau di bawah kehendak mana-mana Akta dan arahan akan diiktirafkan secara akrual di mana perlu.

1.1.3 Pengiktirafan Perbelanjaan

Perbelanjaan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akrual

1.2 Susutnilai

1.2.1 Susutnilai adalah diperuntukkan dan dikira berdasarkan kaedah garis lurus. Peruntukan amaun susutnilai bagi sesuatu aset adalah jumlah yang boleh disusutnilaikan daripada aset tersebut bagi tempoh hayat boleh guna yang dijangkakan.

Pengiktirafan susutnilai

- i. Pengiktirafan susutnilai atas harta dilakukan hanya bagi pembelian harta sebelum atau pada 30hb Jun setiap tahun dengan mengambilkira peruntukan susutnilai untuk setahun tanpa mengambilkira bulan dibeli.

1.2.2 Kadar-kadar tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:

Bangunan Kekal	2%
Kenderaan	20%
Mesin-mesin & Loji	2%
Gerai	2%
Kelengkapan pejabat	20%
Peralatan	25%

1.3 Caruman Bantu Kadar

Pemberian Caruman Bantu kadar adalah berdasarkan kepada Caruman/pemberian yang diluluskan sama ada oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan lain-lain pihak yang terlibat dan direalisasikan sebagai pendapatan mengikut tahun tuntutan.

1.4 Geran Kerajaan

1.4.1 Geran kerajaan yang berkaitan dengan harta tetap adalah diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan mengikut anggaran jangkahayat harta tersebut) Pendapatan ditundakan) mengikut amaun susutnilai tahunan dan dipersembahkan dalam Kunci Kira-Kira sebagai Pemberian Kerajaan yang Dimodalkan.

1.4.2 Geran-geran Kerajaan yang diterima selain daripada Geran yang berkaitan dengan Harta Tetap diiktirafkan sebagai pendapatan dalam tahun diterima tanpa wujudnya tunggakan penerimaan Geran Kerajaan di dalam Penyata Kewangan semasa.

1.5 Kerja Dalam Perlaksanaan

Kerja dalam perlaksanaan dinyatakan pada nilai kos mengikut kaedah siap dilaksanakan.

1.6 Pinjaman

Pinjaman yang diperolehi dari mana-mana Kerajaan, Agensi dan lain-lain pihak diperakaunkan berdasarkan syarat-syarat yang dipersetujui bersama dan dinyatakan di Kunci Kira-Kira Lembaran Imbangan sebagai pinjaman Jangka Panjang. Jumlah bayaran balik pula dinyatakan sebagai pinjaman jangka pendek yang akan mengurangkan jumlah Pinjaman Jangka Panjang mengikut jumlah yang sama.

1.7 Pengiktirafan Aset Tetap

Harta Tetap diiktiraf sebagai aset tetap pada nilai RM500.00 ke atas bermula 01/01/97 tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan 2/91.

1.8 Kemudahan Awam

Kemudahan Awam yang berkaitan dengan kepentingan awam tidak diiktiraf sebagai harta tetap dan tidak dipermodalkan.

1.9 Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan

Pelupusan atau penjualan harta tetap dari Pemberian Kerajaan Dimodalkan diiktiraf sebagai pendapatan.

2. HARTA TETAP

1999	Bangunan RM	Kenderaan RM	Peralatan RM	Kelengkapan	
				Pejabat RM	Jumlah RM
Kos					
Baki Awal	7,163,121.62	1,661,617.54	369,233.35	974,063.22	10,168,035.73
Tambahan/ (Pelupusan)	5,439,022.26	48,057.15	1,736.00	21,200.00	5,510,015.41
Baki Akhir	12,602,143.88	1,709,674.69	370,969.35	995,263.22	15,678,051.14
Susutnilai					
Terkumpul					
Baki Awal	1,320,133.60	1,577,494.54	350,227.60	646,945.14	3,894,800.88
Tambahan	135,209.09	77,290.99	8,091.25	105,741.31	326,332.64
Baki Akhir	1,455,342.69	1,654,785.53	358,318.85	752,686.45	4,221,133.52
Nilai Buku Bersih	11,146,801.19	54,889.16	12,650.50	242,576.77	11,456,917.62

1998	Bangunan RM	Kenderaan RM	Peralatan RM	Kelengkapan	
				Pejabat RM	Jumlah RM
Kos					
Baki Awal	6,133,758.64	1,653,117.54	353,188.35	857,274.30	8,997,338.83
Tambahan/ (Pelupusan)	1,029,362.98	8,500.00	16,045.00	116,788.92	1,170,696.90
Baki Akhir	7,163,121.62	1,661,617.54	369,233.35	974,063.22	10,168,035.73
Susutnilai					
Terkumpul					
Baki Awal	1,179,831.23	1,501,895.51	343,186.65	547,822.36	3,572,735.75
Tambahan	140,302.37	75,599.03	7,040.95	99,122.78	322,065.13
Baki Akhir	1,320,133.60	1,577,494.54	350,227.60	646,945.14	3,894,800.88
Nilai Buku Bersih	5,842,988.02	84,123.00	19,005.75	327,118.08	6,273,234.85

3. KERJA DALAM PERLAKSANAAN

	1999 RM	1998 RM
3.1 Pusat Penjaja Kampar	–	1,427,724.58
3.2 Kompleks Pejabat	1,655,560.76	1,655,560.76
3.3 Pasar Awam Kampar	–	1,764,112.00
3.4 Gelanggang Kasut Roda	160,450.00	140,000.00
3.5 Pasar Awam Kopisan	–	155,320.00
3.6 Gerai Peniaga Malim Nawar	–	60,000.00

	1999	1998
	RM	RM
3.7 Ubahsuai Pasar Awam, Kampar	–	9,500.00
3.8 Dewan Orang Ramai, RPA III, Kampar	–	30,000.00
3.9 Dewan Orang Ramai & Tandas Taman Kinta	49,965.90	–
4.0 Pusat Penjaja Gopeng	150,000.00	–
	<u>2,015,976.66</u>	<u>5,242,217.34</u>
4. SI BERHUTANG		
Cukai Taksiran Am	1,970,919.10	1,904,373.19
Sewaan	360,002.50	433,272.00
Faedah Diterima	4,021.37	73,120.38
Pelbagai Si berhutang	343,509.31	416,007.20
	<u>2,678,452.28</u>	<u>2,826,772.77</u>
5. PERTARUHAN & BAYARAN TERDAHULU		
Cagaran Letrik & Air	2,599.19	2,599.19
	<u>2,599.19</u>	<u>2,599.19</u>
6. SI PIUTANG		
Pelbagai Sipiutang	353,192.26	317,649.93
Kerajaan Negeri Perak	–	1,387.50
Caruman Pencen – JPA	–	200,340.00
	<u>353,192.26</u>	<u>519,377.43</u>
7. PERTARUHAN & TERIMAAN TERDAHULU		
Pertaruhan	662,664.33	615,006.63
Terimaan Terdahulu – Taksiran Am	18,574.13	10,523.75
– Sewa	20,852.50	9,152.50
– Bayaran Air MDKS	63.20	63.20
	<u>702,154.16</u>	<u>634,746.08</u>
8. KUMPULAN WANG TERKUMPUL		
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan atas Perbelanjaan	1,000,940.95)	910,470.58
Baki awal tahun	9,682,486.71)	8,484,980.90
Pelarasan dalam tahun	(140,677.19)	287,035.23
	<u>9,541,809.52)</u>	<u>8,772,016.13</u>
Baki pada akhir tahun	<u>10,542,750.47</u>	<u>9,682,486.71</u>

9. PEMBERIAN KERAJAAN YANG DIMODALKAN

1999	Baki Pada	Tambahan/ (Pelupusan)	Jumlah Diperuntukkan Kepada Pendapatan Jangkamasa	Baki Pada
	1/1/99 RM	RM	RM	31/12/99 RM
Bangunan	2,887,664.82	3,027,276.10	68,391.11	5,846,549.81
Kenderaan	60,964.95	–	48,129.13	12,835.82
Peralatan	4,830.45	–	4,624.99	205.46
Kelengkapan & P/Pjbt	215,706.84	–	64,331.28	151,375.56
Kerja Dlm Perlaksanaan	1,905,000.00	(1,565,034.10)	–	339,965.90
	5,074,167.07	1,462,242.00	185,476.51	6,350,932.55

1998	Baki Pada	Tambahan/ (Pelupusan)	Jumlah Diperuntukkan Kepada Pendapatan Jangkamasa	Baki Pada
	1/1/98 RM	RM	RM	31/12/98 RM
Bangunan	2,461,130.48	487,000.00	60,465.66	2,887,664.82
Kenderaan	135,843.98	–	74,879.03	60,964.95
Peralatan	3,647.85	–	–	3,647.85
Kelengkapan & P/Pjbt	265,904.56	2,425.67	51,440.79	216,889.44
Kerja Dlm Perlaksanaan	1,037,000.00	868,000.00	–	1,905,000.00
	3,903,526.87	1,357,425.67	186,785.48	5,074,167.06

10. PINJAMAN

PINJAMAN PELARASAN GAJI SISTEM SARAAN BARU

	1999 RM	1998 RM
Jumlah yang kena bayar dalam masa setahun	240,000.00	120,000.00
Ansuran yang kena bayar selepas setahun	360,000.00	480,000.00
Jumlah keseluruhan pinjaman	600,000.00	600,000.00

Pinjaman sebanyak RM600,000.00 telah diterima daripada Kerajaan Negeri Perak pada 26.12.1996. Tujuan pinjaman ini adalah untuk membayar tunggakan gaji di bawah Sistem Saraan Baru. Bayaran balik bermula pada 26.12.1999 iaitu sebanyak RM120,000.00 setahun selama 5 tahun. Faedah tidak dikenakan ke atas pinjaman ini.

Hakcipta Pencetak^(H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA